

Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN). Hasil & Penilaian

Siti Noranizahhafizah Boyman¹, Jayum Anak Jawan², Zaid Ahmad² & Ahmad Tarmizi Talib²

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris

²Universiti Putra Malaysia

Corresponding author: noranizah15@gmail.com; tarmizi@upm.edu.my

Abstrak: Artikel ini bertujuan mengkaji Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN/NUCC) yang ditubuhkan pada 11 September 2013. Kajian akan meneliti peranan dan menilai pencapaian jawatankuasa ini berdasarkan laporan MKPN dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengannya. Penekanan akan diberi kepada menilai peranan MKPN menangani isu-isu perpaduan. Penelitian ini akan disusuli dengan perbincangan yang akan menjelaskan hasil dan penilaian yang memberikan justifikasi kerelevanan penubuhan MKPN.

Kata Kunci: Perpaduan; Majlis Konsultasi Perpaduan Negara; NUCC; Perkauman; Kepelbagaian; Polarisasi Kaum

Abstract: This article reviews the work of National Unity Consultative Councils (NUCC), which was established on 11 September 2013. The study aims to discuss the role and evaluate the performance of this committee based on the NUCC reports and related documents. Emphasis will be given to examining the role of NUCC in resolving unity issues. This study will be followed by a discussion which will explain the results and evaluation on the relevance of the establishment of NUCC.

Keywords: Unity, National Unity Consultative Councils, NUCC, racism, diversity, racial polarization

1. Pengenalan

Usaha-usaha untuk mengekalkan perpaduan telah bermula sejak tahun 1969 dengan wujudnya Majlis Perpaduan Negara¹ berikutan berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Kemudian, pada 23 Februari 1971 Majlis Perpaduan Negara dibubarkan dan digantikan dengan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (JPNIN, 2014). Pembubaran tersebut serentak dengan pembubaran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) berikutan pemulihan kerajaan demokrasi berparlimen. Majlis Penasihat Perpaduan Negara mempunyai fungsi yang sama seperti Majlis Perpaduan Negara. Majlis ini dianggotai oleh seramai 51 orang ahli yang terdiri daripada pelbagai kaum dan diketuai oleh Perdana Menteri yang pada ketika itu ialah Abdul Razak Hussein.


Pada tahun 1974, Majlis Penasihat Perpaduan Negara telah ditukar nama kepada Lembaga Penasihat Perpaduan Negara. Hal ini kerana pembubaran Kementerian Perpaduan Negara dan digantikan dengan Lembaga Perpaduan Negara yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPNIN, 2014). Badan ini hanya dianggotai 16 orang ahli sahaja, keahliannya dikurangkan berbanding yang lepas dan dipengerusikan oleh Pengerusi Kerja Lembaga Perpaduan Negara.

Sembilan tahun kemudian, iaitu pada tahun 1983, badan perpaduan ini bertukar nama kepada Panel Penasihat Perpaduan Negara (PANEL). Pertukaran nama ini adalah disebabkan pembubaran Lembaga Perpaduan dan penubuhan Jabatan Perpaduan Negara. PANEL dianggotai oleh 26 orang ahli dan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab tentang hal ehwal

¹ Bersandarkan Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1969, Peraturan-Peraturan Perlu (Majlis Perpaduan Negara), 1971.

perpaduan negara. Namun, pada 27 Oktober 1990 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah ditubuhkan. PANEL dan Jabatan Perpaduan Negara diletakkan di bawah kementerian ini dan dipengerusikan oleh Menteri yang bertanggungjawab.

Jadual 1.1: Perubahan Badan Perpaduan



Sumber: Diubah suai daripada JPNIN, 2014

Pada tahun 2004, PANEL telah diletakkan semula di bawah Menteri di Jabatan Menteri. Ini berikutan Jabatan Perpaduan Negara dipinda namanya kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Maka, Pengerusi PANEL juga berubah dengan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, ahli PANEL telah bertambah menjadi 53 orang. Empat tahun kemudian, kementerian baru diwujudkan iaitu Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah diletakkan di bawah kementerian ini. Namun, pada tahun 2009 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional diletakkan semula di bawah Jabatan Perdana Menteri dan menjadi salah sebuah agensi di bawahnya, kekal sehingga kini (JPNIN, 2014).

Walaupun bagaimanapun, pada 15 September 2011² Perdana Menteri Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak telah mengumumkan bahawa mengikut Fasal 3, Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan ketiga-tiga proklamasi darurat yang telah diisytiharkan dahulu ditamatkan kuat-kuasanya (JPNIN, 2014). Maka, secara automatik juga penubuhan PANEL yang bersandarkan kepada Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1969 di bawah Peratoran-Peratoran Perlu (Majlis Perpaduan Negara), 1971 turut termansuh.

Selepas Pilihan Raya Umum Ke 13 (PRU13)³, Perdana Menteri Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak telah mencadangkan penubuhan MKPN. Kemudian, pada 11 September 2013, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju menubuhkan sebuah badan yang dikenali dengan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN) atau *National Unity Consultative Councils (NUCC)*.

² Ucapan dalam perutusan khas Hari Malaysia.

³ Ini kerana dikatakan tanda-tanda polarisasi kaum mula wujud dan perlu ada sebuah mekanisma bebas untuk membincangkan dan mencari jalan penyelesaian terbaik di dalam mengatasi isu-isu polarisasi kaum dan perpaduan yang berbangkit.

Penerangan lanjut berkaitan dengan penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN) atau *National Unity Consultative Councils (NUCC)* akan diterangkan dalam bahagian yang seterusnya.

2. Latar belakang MKPN

Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) atau *National Unity Consultative Councils (NUCC)* ditubuhkan pada 11 September 2013. MKPN diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak selepas PANEL termansuh berikutan pemansuhan tiga undang-undang darurat.

Tujuan MKPN ditubuhkan ialah sebagai usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) untuk mengurangkan polarisasi kaum dan usaha membina bangsa Malaysia yang bersatu padu (JPNIN, 2014). Oleh itu, MKPN dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks bagi merintis jalan untuk mencari penyelesaian dan merapatkan jurang yang menghalang perpaduan.

Berdasarkan buku panduan MKPN (JPNIN, 2014), majlis ini boleh bertindak pertama, sebagai badan penasihat kepada kerajaan dalam hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional. Kedua, menyediakan forum untuk ahli-ahlinya mengemukakan buah fikiran bagi menentukan hala tuju dan dasar perpaduan Negara dan integrasi nasional. Ketiga mengesyorkan bidang kajian yang diperlukan berkaitan dengan perpaduan Negara dan integrasi nasional. Keempat, menggubal pelan tindakan perpaduan Negara dan integrasi nasional dan yang terakhir mencadangkan syor-syor untuk mengukuhkan perpaduan Negara dan integrasi nasional. Bagi menyokong MKPN, terdapat lima (5) Jawatankuasa Kerja di bawahnya. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada beberapa bidang sebagai panduan menjalankan tugas-tugasnya. Bidang-bidang yang telah ditentukan ialah (JPNIN, 2014):

- a. Perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara.
- b. Membina bangsa dan persefahaman silang budaya.
- c. Pembangunan inklusif.
- d. Belia dan perpaduan.
- e. Integrasi Nasional

Walau bagaimanapun, skop dan peranan MKPN tidak melibatkan perbincangan isu-isu antara agama. Hal ini kerana ia telah mempunyai platformnya sendiri iaitu Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang telah ditubuhkan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Februari 2010 (JPNIN, 2014).

Seterusnya ialah ahli-ahli MKPN, mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang individu yang meliputi ahli akademik, ahli politik, pelbagai etnik, ahli korporat, peguam, ahli yang mewakili golongan muda dan ahli yang mewakili wilayah Sabah dan Sarawak. Ahli-ahli yang dilantik juga terdiri dari kalangan individu yang mempunyai kredibiliti, berfikiran terbuka dan dapat menerima dan menghormati pelbagai pandangan. Ahli-ahli yang dilantik adalah seramai 30 orang. Secara khusus, dari perspektif etnik, 57 peratus daripada ahli-ahli adalah dari komuniti Bumiputera dan 43 peratus bukan Bumiputera. Mereka terdiri daripada Melayu 11 orang, Cina sembilan orang, India empat orang, penduduk asal Sabah tiga orang dan Sarawak tiga orang (MKPN, 2014c).

3. Masalah perpaduan

Bahagian ini membincangkan secara ringkas masalah-masalah perpaduan yang pernah berlaku di Malaysia. Peristiwa pertama yang melibatkan masalah perpaduan di Malaysia ialah peristiwa 13 Mei

1969 (Tunku Abdul Rahman, 2007) yang melibatkan rusuhan kaum. Kesan daripada peristiwa tersebut kerajaan mengambil inisiatif dengan mewujudkan Majlis Perpaduan Negara⁴ pada tahun 1969, kemudian digantikan dengan Majlis Penasihat Perpaduan Negara pada 1971. Dasar Ekonomi Baru juga dibentuk pada 1970 dengan harapan dapat menyeimbangkan semua kaum secara komprehensif dari segi sosial, ekonomi dan politik (Nur Azah, 2013).

Selain itu, antara peristiwa-peristiwa yang melibatkan masalah perpaduan ialah kes Kampung Rawa pada tahun 1998. Peristiwa tersebut berlaku dikatakan kerana berlaku salah faham di antara orang Melayu dan India mengenai rumah ibadat yang dibina sebelah menyebelah dan menyebabkan rasa tidak puas hati⁵ (Mohd Ali, 2000). Manakala peristiwa Kampung Medan pada tahun 2001 pula dikaitkan dengan pergaduhan di antara India dan Melayu yang disebabkan berlaku salah faham tentang majlis perkahwinan dan persiapan pengebumian.

Di samping itu, data-data dari Jabatan Perpaduan mengenai masalah perpaduan dari tahun 1998 hingga 2004 menunjukkan bahawa isu etnik atau perkauman adalah satu peratus dari semua jenis masalah-masalah sosial, peristiwa-peristiwa lain yang melibatkan isu-isu seperti sosial, agama, keselamatan, politik, dan ekonomi, banyak melibatkan aktor atau pelaku dari kumpulan etnik yang berbeza (Kamarulzaman Askandar, 2013).

Kemudian, pada tahun 2007 demonstrasi oleh *Hindu Rights Action Force* (HINDRAF) dianggap sebagai cabaran yang getir buat kerajaan. Tuntutan-tuntutan HINDRAF, terutama tentang isu merobohkan kuil, menerima reaksi daripada masyarakat India supaya kerajaan dapat mengambil sesuatu tindakan. Hal itu diikuti siri ceramah tentang status sosioekonomi kaum India yang masih belum mencapai tahap yang sepatutnya, demonstrasi dan pemboikotan perayaan Thaipusam di Batu Caves sebagai tanda kecewa yang juga seharusnya diambil perhatian serius oleh kerajaan (<http://www.hindraf.org/>. Tarikh akses: 4 September 2008).

Bahagian ini hanya menerangkan secara ringkas masalah perpaduan yang pernah berlaku di Malaysia. Walau bagaimanapun, sememangnya elok jika ada kajian yang lebih mengkaji dengan lebih mendalam dan menjelaskan tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku supaya dapat menjadi panduan kepada kerajaan untuk menangani masalah perpaduan ini dengan lebih baik

Seterusnya, dilihat juga sorotan literatur secara ringkas tentang kajian-kajian yang menyelidiki masalah perpaduan ini. Antaranya ialah Redwan Yasin *et. al* (2013) membuat kajian dengan saranan pemupukan nilai keislaman dalam menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Mereka membincangkan bagaimana perlaksanaan nilai-nilai keislaman boleh membawa kepada perpaduan dan penyatuan masyarakat samada bagi yang beragama Islam mahupun bukan beragama Islam.

Kemudian, Ahmad Tarmizi *et. al*. (2013) mengkaji persepsi dan tingkah laku terhadap toleransi sosio-agama di Semenanjung Malaysia. Kajian mereka menemukan kajian mereka menolak pandangan segelintir pihak yang sering memberi gambaran melalui media massa bahawa wujud suasana yang tidak harmoni dalam konteks hubungan antara agama di Malaysia. Analisis mereka menunjukkan majoriti responden mempunyai pandangan positif terhadap toleransi sosio-agama terutama daripada penganut

⁴ Bersandarkan Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1969, Peraturan-Peraturan Perlu (Majlis Perpaduan Negara), 1971.

⁵ Dikatakan puncanya ialah pembinaan kuil Hindu dan masjid sebelah-menyebelah dengan jarak lebih kurang 20 meter. Suasana tidak puas hati juga wujud kerana suasana bising mengganggu di antara satu sama lain yang menyukarkan mereka untuk bersembahyang. Antaranya ialah loceng kuil dibunyikan setiap subuh dan waktu sembahyang. Manakala penganut Hindu pula mengatakan masjid juga mengganggu mereka dengan bunyi azan 5 kali sehari dan majlis-majlis ceramah agama.

Hindu dan Buddha berbanding penganut Kristian dan Islam. Perkara ini menunjukkan bahawa penganut Hindu dan Buddha lebih terbuka.

Sementara itu, Ding Choo Ming (2013) dalam kertas kerjanya menyelidiki kepentingan pendidikan dalam erti yang luas, belajar untuk menerima dan menghormati perbezaan sebagai cara yang betul untuk semua orang dari berlainan kumpulan etnik untuk memahami nilai-nilai, norma, dan tradisi yang akan mempengaruhi bagaimana kita melihat, berfikir, berinteraksi dan berkongsi negara dengan satu sama lain. Beliau cuba mengubah perspektif rakyat Malaysia bahawa perbezaan dan kepelbagaian etnik dan budaya di Malaysia sebagai sesuatu yang positif.

Setelah diterangkan secara ringkas tentang masalah-masalah perpaduan yang pernah berlaku di Malaysia, berikut akan diteliti aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh MKPN dalam menangani masalah perpaduan di Malaysia.

4. Aktiviti MKPN menangani masalah perpaduan

Sepanjang penubuhan MKPN yang kini berumur lebih kurang setahun lebih, mereka telah mengadakan aktiviti-aktiviti seperti dialog perpaduan, laporan jawatan kuasa kerja, mesyuarat khas dan penyelidikan bersama dengan Institut Kajian Etnik (KITA), UKM. Penerangan lanjut adalah seperti yang berikut:

4.1 Dialog perpaduan

MKPN telah menganjurkan siri-siri Dialog Perpaduan di 18 bandar di seluruh Malaysia antara 22 Februari dan 31 Mac 2014. Seramai 5,491 orang telah mengambil bahagian dan 512 daripada mereka bersuara dengan memberi pandangan mereka (MKPN, 2014a). Manakala 1159 orang peserta telah memberi pandangan mereka secara bertulis menggunakan soal selidik yang disediakan oleh Institut Kajian Etnik (KITA), UKM (MKPN, 2014b). Peserta-peserta ini berbeza dari satu lokasi ke lokasi lain dari segi jumlah yang hadir, kumpulan etnik, jantina, kumpulan, dan organisasi. Semua pandangan dan komen daripada mereka telah didokumenkan. Penemuan yang diperolehi daripada sesi dialog tersebut boleh dikategorikan kepada tiga (3) tema utama iaitu tingkah laku, struktur dan institusi. Daripada tema tersebut, antara perkara yang dibincangkan ialah penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan utama untuk semua etnik, pengaplikasian skrip rumi kepada semua media cetak Cina dan Tamil dan keperluan untuk memastikan bahawa lagu kebangsaan Negara dan prinsip Ruku Negara diberi kuasa.

4.2 Laporan Jawatankuasa Kerja MKPN

MKPN telah menubuhkan lima (5) Jawatankuasa Kerja di bawahnya bagi menyokong dan sebagai panduan untuk melaksanakan tugas mereka. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada beberapa seperti (JPNIN, 2014) :

- a. Perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara.
- b. Membina bangsa dan persefahaman silang budaya.
- c. Pembangunan inklusif.
- d. Belia dan perpaduan.
- e. Integrasi Nasional

Kumpulan Jawatankuasa Kerja MKPN telah menjalankan perbincangan mengenai perkara-perkara tertentu. Jawatankuasa Kerja pembangunan inklusif telah mengadakan tiga kali Perbincangan Meja Bulat dan telah menyediakan laporan penemuan mereka. Begitu juga dengan Jawatankuasa Kerja perundangan

dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara telah merangka akta perpaduan negara yang baru untuk perundingan awam sebelum diserahkan kepada kerajaan (MKPN, 2014b).

4.3 Mesyuarat khas & dialog

MKPN telah mengadakan dialog khas dengan pihak-pihak yang berkepentingan dan berminat untuk memberi pandangan dan cadangan berkaitan perpaduan. Pengerusi MKPN, Tan Sri Samsudin Osman telah mempengeruskannya. Antara pihak-pihak berkepentingan dan berminat untuk memberi pandangan melibatkan pelbagai etnik, agama, hak asasi manusia, persatuan perniagaan dan organisasi.

Setakat ini lapan dialog khas itu telah dihoskan oleh Pengerusi MKPN dan beberapa lagi perjumpaan itu telah dirancang termasuk dialog dengan parti-parti politik (MKPN, 2014b).

4.4 Institut Kajian Etnik (KITA), UKM-kerja penyelidikan dan sumber

Sejak penubuhan KITA-UKM pada tahun 2007, institut ini telah menjalankan pelbagai penyelidikan mengenai hubungan etnik. Mereka telah mengadakan persidangan, perbincangan Meja Bulat, penerbitan, penyeliaan disertasi lepasan ijazah dan perundingan dijalankan.

Selain itu, KITA-UKM telah melancarkan Program Kesepaduan Sosial Negara (PADU) dan KITA's Ethnic Monitoring System (KITA-MESRA) yang akan memberi input yang bernilai kepada laporan MKPN dan pelan tindakan (MKPN, 2014b). KITA-UKM juga sedang membangunkan instrumen untuk memantau hubungan etnik di Malaysia yang akan menjadi ukuran penting berterusan dan menjadi alat berwaspada (amaran).

4.5 Justifikasi peranan MKPN & saranan

Semasa kajian ini dijalankan, MKPN telah menjalankan fungsinya selama setahun lebih. Hasil kajian menunjukkan dalam waktu setahun lebih tersebut, beberapa aktiviti telah dilakukan seperti dialog perpaduan, aktiviti Jawatankuasa Kerja, mesyuarat khas dan kerja-kerja penyelidikan Institut Kajian Etnik (KITA), UKM. Ini menunjukkan MKPN menjalankan fungsinya dengan aktif.

Kedua, menjadi persoalan kepada kajian ini ialah sejauh mana hasil kajian MKPN ini menjadi rujukan kepada kerajaan. Usaha kerajaan mewujudkan sebuah badan khas untuk menangani masalah perpaduan patut dipuji. Walau bagaimanapun, jika hasil kajian atau pandangan mereka hanya dibekukan di atas kertas, tidak dipandang atau menjadi rujukan kerajaan dalam menjalankan tanggungjawabnya, ia adalah sesuatu yang sia-sia dan membazirkan duit rakyat.

Ketiga, pemerhatian menunjukkan bahawa MKPN tidak melaporkan secara keseluruhan untuk pengetahuan rakyat tentang hasil yang diperolehi. Setakat ini hanya dua jawatan kuasa kerja yang memaklumkan aktiviti mereka melalui laman web iaitu Jawatankuasa Kerja perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara dan Jawatankuasa Kerja pembangunan inklusif. Bagaimana pula dengan tiga lagi jawatankuasa kerja? Kerajaan telah membelanjakan kos yang besar, oleh itu rakyat harus tahu apakah hasil yang diperolehi oleh MKPN.

Perkara keempat, kerajaan berusaha menangani masalah perpaduan bermula pada tahun 1969 hinggalah sekarang. Bermula dengan Majlis Perpaduan Negara pada 1969 hinggalah yang terkini MKPN yang ditubuhkan pada 2013. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan usaha dan tindakan kerajaan ini tidak selari. Hasil kajian Nafisah dan Siti Noranizahhafizah (2013) menunjukkan bahawa pada Pilihan Raya Umum ke-13 yang lalu, kedua-dua pihak iaitu Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat masih

memainkan sentimen perkauman. Antara isu yang dimainkan ialah berkisar dengan peristiwa 13 Mei 1969, perlembagaan (hak istimewa orang Melayu), kalimah Allah (agama) dan pendidikan Cina. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku, BN sebagai parti pemerintah yang berusaha menangani masalah perpaduan sepatutnya tidak menggunakan isu perkauman untuk kepentingan mereka.

Secara keseluruhannya, MKPN merupakan salah satu inisiatif baru untuk melihat dimensi baru penyatuan dan perpaduan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, platform yang ada perlu digunakan sebaik-baiknya di dalam membincangkan secara terbuka, tertib dan berhemah ke atas isu-isu yang menjadi penghalang kepada penyatuan dan perpaduan. Setelah itu, cadangan kaedah penyelesaian terbaik akan diusulkan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, jika cadangan MKPN ini bukan sesuatu yang bernas dan boleh digunakan oleh kerajaan, maknanya penubuhan MKPN adalah sesuatu yang sia-sia dan membazirkan duit rakyat.

5. Kesimpulan

Walaupun MKPN baru ditubuhkan pada 11 September 2013, mereka telah mengadakan dialog perpaduan, laporan jawatan kuasa kerja, mesyuarat khas dan penyelidikan bersama dengan Institut Kajian Etnik (KITA), UKM. Berdasarkan justifikasi yang dibincangkan di atas, Secara keseluruhannya, MKPN ini akan relevan penubuhannya sekiranya hasil dapatan mereka menjadi rujukan kepada kerajaan dalam memperbaiki masalah perpaduan di Malaysia. Jika tidak, penubuhan MKPN ini akan membazirkan duit rakyat. Walau bagaimanapun, terdapat perkara-perkara lain yang boleh diperbaiki lagi oleh MKPN kerana usianya yang masih muda.

Rujukan

- Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit S. Gill & Nur Ayuni Mohd Isa. (2013). Persepsi dan tingkah laku terhadap toleransi sosio agama di Semenanjung Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UniSZA*, 907-911.
- Bersih tidak dibenar adakan perhimpunan 10 Nov ini. (7 November 2011). *Utusan Malaysia*. Dipetik daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1107&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_01.htm
- Demonstrasi BERSIH. (n.d.). Dipetik daripada <http://www.bersih.org/>.
- Ding Choo Ming. (2013). Pemupukan nilai keislaman dalam perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Dlm. *Prosiding Seminar Antarabangsa Etnik & Dasar: Refleksi Jati Diri* (30-38). Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Hindraf. (n.d.). Dipetik daripada <http://www.hindraf.org/>.
- Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (JPNIN). (2014). *Buku panduan MKPN*. Dipetik daripada www.jpnin.gov.my.
- Kamarulzaman Askandar. (2013). *Perpaduan dan perdamaian etnik*. Dipetik daripada <http://www.seacsn.usm.my>
- Macionis, J.J. (1989). *Society: The basics*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN). (2014a). *Brief executive summary of Dialog Perpaduan (DP)*. Dipetik daripada <http://www.nucc.my>.
- Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN). (2014b). *NUCC report preparation progress update: Towards drafting the National Unity Blueprint*. Dipetik daripada <http://www.nucc.my>.
- Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN). (2014c). *NUCC Council Members*. Dipetik daripada <http://www.nucc.my>.
- Markus Lim. (14 April 2008). Menjaga majoriti; membela minoriti. *Dewan Masyarakat*. Hlm. 14
- Mas Juliana Mukhtaruddin. (2004). Globalisasi dan Malaysia: sebuah kepimpinan mantap. Dlm. Mohd Azizudin Mohd Sani, Mas Juliana Mukhtaruddin & Mohd Baharudin Othman (Pnyt.). *Globalisasi dalam perspektif: Isu dan cabaran* (hlm. 101-114). Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Mohd Ali Saripan. (2000). Pembinaan rumah ibadat di Pulau Pinang: Suatu kajian mengenai insiden agama di Kg. Rawa Pulau Pinang. (Tidak diterbitkan disertasi). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Azizudin Mohd Sani, Mas Juliana Mukhtaruddin & Mohd Baharudin Othman. (2004). *Globalisasi dalam perspektif: isu dan cabaran*. Petaling Jaya: IBS.
- Mohd Fuad Sakdan. (1999). *Pengetahuan asas politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Mahadee Haji Ismail & Ab. Bassit Husin. (2008). Globalisasi ekonomi politik dan impaknya ke atas Malaysia. Dlm. Woran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (Pnyt.), *Prosiding Seminar Politik Malaysia* (hlm. 107-124.). Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Nafisah Ilham Hussin & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2013). Sentimen perkauman dalam PRU13. Dlm. *Prosiding Seminar Antarabangsa Etnik & Dasar: Refleksi Jati Diri* (hlm. 54-61). Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Nur Azah Razali. (2013). Dasar Ekonomi Baru dan perubahan politik Melayu: Satu analisis. Dlm. *Prosiding Seminar Antarabangsa Etnik & Dasar: Refleksi Jati Diri* (hlm. 66-73). Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Oliver C., (1976). *Race relations: Elements and social dynamics*. Detroit: Wayne State University Press.
- Petisyen Hindraf Cuma alasan untuk berdemonstrasi. (26 November 2011). *Utusan Malaysia*. Dipetik daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1126&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_07.htm
- Philips Mathews. (2007). *1957-2007 chronicle of Malaysia fifty years of headline news*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.
- Ratnam K.J. (1965). *Communalism and the political process in Malaya*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press.
- Redwan Yasin, Mohd Ridhuan Tee Abdullah, Sayuti Ab. Ghani & Mohd Faizul Azmi. (2013). Pemupukan nilai keislaman dalam perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Dlm. *Prosiding Seminar Antarabangsa Etnik & Dasar: Refleksi Jati Diri* (hlm. 18-24). Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Saifuddin Abdullah. (2009). *Politik baru mematangkan demokrasi Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Malaysia.
- Tunku Abdul Rahman. (2007). *13 Mei 1969 sebelum dan selepas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.